

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah pertubuhan belia di Kuala Krai yang aktif dan tidak aktif; dan
- (b) berapa jumlah peruntukan yang disalurkan serta apakah kursus yang boleh membantu melahirkan pimpinan belia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Sehingga September 2019, sebanyak 492 Pertubuhan belia di negeri Kelantan direkodkan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Pendaftaran ini melibatkan sejumlah 47 pertubuhan belia di Jajahan Kuala Krai dan sebanyak 3 pertubuhan belia di Jajahan Kuala Krai telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia kerana kegagalan mematuhi keperluan Seksyen 22 Akta 668 berkaitan penghantaran Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD). Berdasarkan statistik tersebut, 44 Pertubuhan Belia di Jajahan Kuala Krai dikategorikan masih aktif.

2. Berhubung dengan pemberian dana di seluruh Malaysia, melalui tabung persatuan, sebanyak RM6.6 juta setakat ini telah diperuntukkan. Melalui Kumpulan Wang Amanah Sukan, RM23.9 juta telah pun diperuntukkan dan jumlahnya adalah sekitar RM30 juta. Untuk memastikan bahawa pentadbiran pertubuhan belia dapat ditambah baik, Kementerian juga telah menyalurkan bantuan sebanyak RM3,000 kepada pertubuhan belia dalam membantu pelaksanaan Program Majlis Perundingan Belia Negara, di peringkat Jajahan Kuala Krai.

3. Pihak Kementerian melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara telah melaksanakan Kursus Kepimpinan Organisasi (KPO) yang bertujuan melatih dan melahirkan pemimpin belia di kalangan Ahli Jawatankuasa dan pelapis kepimpinan pertubuhan belia berdaftar.

Sekian, terima kasih.